

**Al-Hakim Al-Naisaburi**  
**& Metodologi Penulisan Hadis**  
**Al-Mustadrak 'Ala**  
**Al-Sahihain**

**Muhammad Mustaqim Mohd Zarif**



**UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA**  
جامعة العلوم الإسلامية الماليزية  
ISLAMIC SCIENCE UNIVERSITY OF MALAYSIA

**Al-Hakim Al-Naisaburi**

**& Metodologi Penulisan Hadis**

**Al-Mustadrak 'Ala Al-Sahihain**

عَلَى الصَّوْحَرِيِّ عَلَيْهِ السَّلَامُ  
الْمُسْتَدْرَكُ بِإِسْنَادِ الصَّحِيحَيْنِ  
الْمُسْتَدْرَكُ بِإِسْنَادِ الصَّحِيحَيْنِ

**Al-Hakim Al-Naisaburi**  
**& Metodologi Penulisan Hadis**  
**Al-Mustadrak 'Ala Al-Sahihain**

Muhammad Mustaqim Mohd Zarif

Penerbit  
Universiti Sains Islam Malaysia  
Bandar Baru Nilai  
Negeri Sembilan  
2010

**CETAKAN PERTAMA 2010**

© Hak Cipta Universiti Sains Islam Malaysia

Hak cipta terpelihara, tiada mana-mana bahagian daripada buku ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar kepada apa-apa bentuk dengan sebarang cara sekalipun tanpa izin bertulis daripada penerbit.

Diterbitkan di Malaysia oleh:

Penerbit USIM

**UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA**

Bandar Baru Nilai, 71800 Nilai

Negeri Sembilan Darul Khusus

Tel:06-798 8226/6081 Faks:06-798 6083

[www.usim.edu.my](http://www.usim.edu.my)

[pej.penerbitan@usim.edu.my](mailto:pej.penerbitan@usim.edu.my)

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam Penerbitan

Muhammad Mustaqim Mohd Zarif

al-Hakim al-Naisaburi dan metodologi penulisan hadis Al-mustadrak  
'ala al-sahihain/Muhammad Mustaqim Mohd Zarif

ISBN 978-967-5295-43-0

1. Hadith--Criticism, interpretation, ect.. 2. Pillars of Islam. I. Judul.  
297.124

# Al-Hakim Al-Naisaburi

## & Metodologi Penulisan Hadis Al-Mustadrak 'Ala Al-Sahihain

---

### *Kandungan*

Prakata	ix
Pendahuluan	xi
Jadual dan Singkatan	xv
<b>Bab 1: AL-HAKIM AL-NAISABURI: ULAMA HADIS TERKEMUKA KURUN KEEMPAT HIJRAH</b>	1
Keadaan Sosiopolitik dan Perkembangan Ilmu pada Kurun Keempat Hijrah	1
Biografi dan Riwayat Hidup al-Hakim	9
Kredibiliti al-Hakim dan Pengaruhnya dalam Tradisi Ilmu Islam	15
<b>Bab 2: AL-MUSTADRAK 'ALA AL-SAHIHAIN: PENGENALAN DAN METODOLOGI AM</b>	31
Takrifan <i>al-Mustadrak</i>	31
Faktor Penghasilan <i>al-Mustadrak</i>	35
Ciri-ciri dan Kedudukan <i>al-Mustadrak</i>	37
Struktur Penyusunan dan Bilangan Hadis <i>al-Mustadrak</i>	41
<b>Bab 3: METODOLOGI AL-HAKIM DALAM PENILAIAN HADIS DAN PERAWINYA</b>	63
Metodologi al-Hakim dalam Penilaian Hadis	64
<i>Kriteria Penerimaan Hadis Menurut al-Hakim</i>	65
<i>Kriteria Penolakan Hadis Menurut al-Hakim</i>	78
Metodologi al-Hakim dalam Penilaian Perawi Hadis	81
<i>Kriteria Penerimaan Perawi Hadis</i>	82
<i>Kriteria Penolakan Perawi Hadis</i>	83

<b>Bab 4: APLIKASI METODOLOGI PENILAIAN</b>	89
<b>HADIS AL-HAKIM DALAM AL-MUSTADRAK</b>	
<b>DAN KRITIKAN TERHADAPNYA</b>	
Penggunaan Istilah Penentuan Status Hadis dalam <i>al-Mustadrak</i>	89
Aplikasi Kaedah Penerimaan Periwiyatan Tambahan daripada Perawi <i>Tbiqab</i>	92
<i>Penambahan Aspek Sanad</i>	92
<i>Penambahan Aspek Matan</i>	93
Aplikasi Kaedah Pentashihan Hadis Berdasarkan Persaksian dan Sokongan	94
Aplikasi Pengkategorian Sepuluh Peringkat Hadis Sahih dalam <i>al-Mustadrak</i>	99
<i>Lima Peringkat Hadis Sahih yang Disepakati</i> <i>Penerimaannya</i>	99
<i>Lima Peringkat Hadis Sahih yang Tidak Disepakati</i> <i>Penerimaannya</i>	102
Aplikasi Konsep Perawi yang Tidak Dikenali dalam <i>al-Mustadrak</i>	103
<b>Bab 5: KRITIKAN TERHADAP AL-MUSTADRAK</b>	111
<b>DAN PERBINCANGAN MENGENAINYA</b>	
Kritikan Terhadap Penggunaan Istilah “Sahih Berdasarkan Syarat al-Bukhari dan Muslim atau Salah Seorang daripada Mereka”	111
<i>Kritikan Abu Sa’id al-Malini (m. 412H) dan ‘Abdul</i> <i>Ghani al-Maqdisi (m. 600H)</i>	112
<i>Kritikan Yahya ibn Sharaf al-Nawawi (m. 676H)</i>	113
<i>Kritikan Zain al-Din al-‘Iraqi (m. 806H)</i>	116
Kritikan Terhadap Kelonggaran al-Hakim dalam Pemilihan Hadis <i>al-Mustadrak</i>	122
<i>Kelonggaran al-Hakim dalam Penyetaraan Kriteria</i> <i>Hadis Sahih Berdasarkan Syarat al-Bukhari dan</i> <i>Muslim</i>	123
<i>Kelonggaran al-Hakim dalam Pemberian Status Sahih</i> <i>Sanad Terhadap Sesebuah Hadis</i>	125
<i>Kelonggaran al-Hakim dalam Penerimaan Periwiyatan</i> <i>Tunggal daripada Seorang Perawi</i>	126

<i>Kelonggaran al-Hakim dalam Memasukkan Hadis Lemah dalam al-Mustadrak</i>	126
<i>Kelonggaran al-Hakim dalam Memasukkan Hadis Terlampau Lemah dalam al-Mustadrak</i>	127
<i>Kelonggaran al-Hakim dalam Memasukkan Hadis Lemah dalam al-Mustadrak dengan Sengaja untuk Tujuan Tertentu</i>	128
<i>Kelonggaran al-Hakim dalam Memasukkan Hadis Palsu dalam al-Mustadrak</i>	128
<i>Kelonggaran al-Hakim dalam Penerimaan Perawi Hadis</i>	130
Pandangan Ulama Terhadap Hadis yang Dilabelkan Sahih oleh Al-Hakim	133
Pembelaan Ulama Mengenai Kewujudan Hadis Lemah dan Palsu Dalam <i>al-Mustadrak</i>	134
<b>Bab 6: ANALISIS DAN PENILAIAN TERHADAP HADIS DALAM AL-MUSTADRAK</b>	141
Klasifikasi Hadis dalam <i>al-Mustadrak</i> Berdasarkan Statusnya	141
<i>Klasifikasi al-Dhababi (m. 748H)</i>	141
<i>Klasifikasi Ibn Kathir (m. 774H)</i>	143
<i>Klasifikasi Ibn Hajar al-'Asqallani (m. 852H)</i>	144
Hadis yang Tidak Dinyatakan Statusnya oleh al-Dhababi dan Kajian Sampel Terpilih	150
<i>Hadis yang Dibukumkan Sahih oleh al-Hakim Tetapi Tidak Diulas oleh al-Dhababi</i>	151
<i>Hadis yang Dibukumkan Sahih Berdasarkan Syarat Muslim oleh al-Hakim Tetapi Tidak Diulas oleh al-Dhababi</i>	154
<i>Hadis yang Tidak Diulas oleh Kedua-dua al-Hakim dan al-Dhababi</i>	156
<b>Penutup</b>	163
<b>Bibliografi</b>	165
<b>Glosari Istilah</b>	171
<b>Indeks</b>	177

# Prakata

**A**lhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dihadapkan ke hadrat Allah 'azza wa jalla, kerana limpah kurnia dan perkenan-Nya jualah yang membolehkan buku ini direalisasikan penghasilan dan penerbitannya. Sekalung penghargaan juga ditujukan kepada pihak Penerbit Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) yang telah berbesar hati menerima karya ini untuk diterbitkan.

Penting dinyatakan di sini bahawa buku ini sebenarnya berasal daripada tesis Sarjana dalam bahasa Arab bertajuk *al-Mustadrak 'ala al-Sahibain li al-Hakim: Dirasab Manhajyyah Hadithiyyah* yang telah diterjemahkan dan diadaptasikan kandungannya ke dalam bahasa Melayu untuk manfaat khalayak ramai. Di samping itu juga, beberapa penambahan dan pengemaskinian turut dilakukan terhadap struktur dan isi kandungan buku ini supaya lebih terkini dan bersesuaian dengan selera para pembaca yang ingin mendalami ilmu berkaitan hadis tanpa mengira latar belakang dan tahap pengetahuan mereka dalam bidang ini.

Atas sebab-sebab tertentu juga, penggunaan tanda diakritik untuk perkataan dalam bahasa Arab tidak dapat diadaptasikan dalam penulisan buku ini, dan ejaan perkataan Arab telah dipermudahkan dan disesuaikan mengikut sebutannya dalam bahasa Melayu. Sebagai tambahan, satu senarai daftar istilah berkaitan ilmu hadis turut dimuatkan dalam buku ini yang diadaptasikan daripada *Mu'jam al-Mustalabat al-Hadithiyyah* susunan Dr. Muhammad Abullais.

Akhir kata, diharapkan agar buku ini dapat menyumbang ke arah memperkayakan perbendaharaan karya ilmiah dalam bahasa Melayu, khususnya dalam bidang hadis dan semoga dapat memberikan manfaat kepada para pembacanya. *Amin.*

**Dr. Muhammad Mustaqim Mohd Zarif**  
Putra Nilai  
Bulan Haji 1430H/November 2009M

# Pendahuluan

Segala pujian hanyalah ditujukan kepada Allah; Tuhan semesta alam. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Muhammad ibn ‘Abdullah SAW serta ahli keluarga dan Sahabat baginda sekaliannya.

Sebagai sumber kedua agama Islam selepas al-Quran, *al-Sunnah* atau hadis nabawi merujuk kepada segala perkataan, perbuatan, persetujuan dan sifat yang disandarkan kepada Rasulullah SAW. Tujuannya untuk menerangkan prinsip-prinsip agama dan peribadatan yang dinyatakan secara umum dalam al-Quran di samping memberikan hukum-hakam tambahan dalam pelbagai aspek yang diperlukan oleh umat Islam. Para Sahabat r.a. yang menyedari akan kepentingan hadis dan kedudukannya dalam sistem perundangan Islam telah berusaha untuk memeliharanya, sama ada menerusi hafalan ataupun penulisan, supaya dapat dimanfaatkan oleh generasi Islam kemudiannya.

Walau bagaimanapun, disebabkan oleh beberapa kekangan yang dihadapi pada peringkat permulaan Islam telah menyebabkan usaha mengumpulkan hadis secara bertulis tidak dapat dilaksanakan dengan meluas dan tumpuan utama diberikan terhadap pengumpulan al-Quran. Namun, seiring dengan perkembangan pesat Islam terutamanya selepas kewafatan Baginda SAW telah menyaksikan betapa hadis diperlukan sebagai panduan dalam menangani urusan seharian umat Islam yang giat berkembang merentasi batas sempadan Semenanjung Arab.

Kekacauan atau fitnah dalam sejarah Islam yang tercetus dengan pembunuhan Khalifah ketiga; Sayidina ‘Uthman ibn ‘Affan r.a. telah mengubah landskap pemikiran dan kesatuan umat Islam buat selamanya. Buat pertama kali dalam sejarahnya, umat Islam mula berpecah-belah disebabkan ideologi politik yang akhirnya membawa kepada perpecahan dalam pemikiran dan pandangan agama kepada

pelbagai puak dan kumpulan, dan setiap daripadanya cuba mendapatkan pengaruh untuk mendominasi arus perdana umat Islam ketika itu.

Dalam keghairahan untuk menagih sokongan masyarakat, kebanyakannya merujuk kepada hadis untuk membuktikan kebenaran pegangan mereka. Bagi sesetengah yang lain, masalah ketiadaan hadis untuk menyokong ideologi tertentu yang dibawa telah menyebabkan mereka menggunakan hadis palsu yang direka khusus untuk tujuan tersebut di samping menjatuhkan hujah pihak lawan.

Dari aspek yang lain, sesetengah daripada mereka pula telah menilai hadis dengan pandangan yang negatif, sehinggakan mereka mengesyaki serta meragui kebolehpercayaan hadis dan kesesuaian sebahagian atau keseluruhannya sebagai sumber hukum. Dengan itu, mereka bolehlah mengetepikan sebarang hukum yang terkandung dalam hadis begitu sahaja dan mencadangkan interpretasi mereka terhadap agama berasaskan hawa nafsu.

Dalam menghadapi cabaran yang genting ini, para ulama telah berusaha dengan gigih untuk memastikan kebenaran sesebuah periwayatan yang didasarkan kepada prinsip-prinsip tertentu yang akhirnya dikenali sebagai ilmu *mustalah al-badith*, di samping menggiatkan aktiviti pengumpulan dan pembukuan hadis di segenap pelosok wilayah Islam. Hasil daripada era pembukuan ilmu ini telah menyaksikan terhasilnya sejumlah koleksi hadis utama seperti *al-Muwatta'* oleh Malik ibn Anas (m. 179H), *al-Risalah* oleh al-Shafi'i (m. 204H) dan *al-Musnad* oleh Ahmad ibn Hanbal (m. 241H).

Walau bagaimanapun, kebanyakan daripada karya yang dihasilkan pada peringkat awal ini lebih tertumpu kepada pengumpulan ilmu secara umum sahaja, dan ini menyebabkan banyak daripadanya bercampur-aduk antara hadis dan ilmu-ilmu lain seperti fiqah dan sebagainya. Sebahagian besar karya hadis juga tidak hanya terbatas kepada hadis-hadis yang sahih sahaja, bahkan turut mengandungi hadis lemah, di samping pandangan Sahabat r.a. dan sebagainya.

Justeru, fasa pembukuan ilmu seterusnya menyaksikan usaha berterusan umat Islam untuk mengembangkan lagi proses penulisan yang bukan lagi tertumpu kepada pengumpulan hadis semata-mata, bahkan turut membentuknya berdasarkan tema dan metodologi yang tertentu sahaja. Kemuncak daripada gelombang baru pembukuan ini

menyaksikan penghasilan karya agung dalam hadis iaitu *al-Sabihain* (*Sabih al-Bukhari* dan *Sabih Muslim*) yang dikarang oleh dua tokoh hadis ternama; Muhammad ibn Isma'il al-Bukhari (m. 256H) dan Muslim ibn Hajjaj al-Qushairi (m. 261H) yang terfokus untuk mengumpulkan hadis-hadis sahih sahaja dalam pelbagai aspek agama. Kedua-dua karya ini telah disepakati penerimaannya oleh umat Islam dan diiktiraf sebagai karya yang paling benar selepas al-Quran.

Justeru, tidak hairanlah sekiranya *al-Sabihain* menjadi model dan sumber inspirasi kepada generasi umat Islam yang seterusnya untuk menghasilkan pelbagai karya hadis yang berkaitan dengannya, antaranya *al-Mustadrak 'ala al-Sabihain* yang dikhususkan oleh al-Hakim al-Naisaburi (m. 405H) untuk melengkapkan hadis-hadis sahih yang tidak dimuatkan dalam *al-Sabihain* sedangkan ianya menepati syarat kedua-dua pengarangnya atau salah seorang daripada mereka.

Dengan ini, *al-Mustadrak* berperanan sebagai sumber penting koleksi hadis sahih selain daripada yang terkandung dalam *al-Sabihain* yang menjangkau ribuan hadis dalam segenap aspek agama. Walau bagaimanapun, di sebalik hasrat dan matlamat yang murni ini, *al-Mustadrak* sering kali menjadi sasaran kritikan para ulama lantaran terdapat juga sejumlah hadis yang tidak menepati kriteria hadis sahih. Perkara ini bukan sahaja telah menjejaskan statusnya di kalangan karya-karya hadis yang lain, bahkan turut memberikan kesan terhadap reputasi al-Hakim selaku pengarangnya.

Berdasarkan itu, satu kajian yang komprehensif dan mendalam mengenai *al-Mustadrak* difokuskan untuk penelitian dalam buku ini. Selain daripada isu dan kontroversi yang dikaitkan dengan al-Hakim, buku ini juga cuba mengupas isu-isu pokok berkaitan metodologi yang diguna pakai oleh al-Hakim dalam menghasilkan *al-Mustadrak* dan sejauh manakah beliau mempraktikkannya, di samping menilai kebenaran kritikan yang dilontarkan kepadanya oleh para ulama. Tinjauan ringkas terhadap kategori hadis yang terkandung dalam *al-Mustadrak* turut disertakan untuk mendapatkan gambaran umum situasi *al-Mustadrak* dan statusnya di kalangan karya-karya hadis yang lain.

Perkara ini dirasakan perlu memandangkan kepada pengaruh dan kepentingan *al-Mustadrak* dalam korpus koleksi hadis terkemuka

Islam selain kepentingan memahami persepsi, metodologi dan sikap al-Hakim yang juga merupakan ulama hadis terkemuka abad keempat hijrah terhadap hadis. Sesungguhnya memahami metodologi setiap ulama dan pengarang karya hadis menjadi kunci ke arah meleraikan dan menyelesaikan pelbagai persoalan berkaitan hadis dan status hadis dalam sesebuah karya, selain mendapatkan gambaran sebenar mengenai sesuatu isu dan masalah berkaitan hadis.

Dari aspek pelaksanaan pula, kajian yang berlandaskan sumber tekstual ini secara amnya adalah berdasarkan kepada metode deskriptif dan analitis. Sumber-sumber utama berkaitan hadis dan *mustalah al-hadith* yang dikarang ulama sejak zaman berzaman menunjangi rujukan kajian ini di samping pelbagai sumber sekunder lain yang berkaitan. Naskhah *al-Mustadrak* yang menjadi teras kajian ini pula merupakan edisi bercetak di Beirut oleh syarikat Dar al-Ma'rifah yang terdiri daripada lima jilid termasuk indeks di jilid terakhir. Karya al-Dhahabi bertajuk *Talkhis al-Mustadrak* turut dimuatkan bersama cetakan ini di bahagian bawah setiap halaman *al-Mustadrak*.

Ringkasnya, diharapkan agar buku ini dapat mengetengahkan satu gambaran yang objektif dan komprehensif mengenai al-Hakim dan karyanya *al-Mustadrak* dan membuka jalan ke arah mengenal pasti dan memahami metodologi yang digunakan dalam penulisannya.

# Jadual dan Singkatan

## SENARAI JADUAL

		Halaman
Jadual 1:	Perincian Bab ( <i>Kitab</i> ) Hadis dalam <i>al-Mustadrak 'ala al-Sahibain</i>	58
Jadual 2:	Status dan Istilah Penerimaan Perawi Menurut al-Hakim	83
Jadual 3:	Status dan Istilah Penolakan Perawi Menurut al-Hakim	84
Jadual 4:	Perbandingan Kategori dan Status Hadis <i>al-Mustadrak</i> antara al-Hakim dan al-Dhahabi	146

## SENARAI SINGKATAN

a.s.	:	<i>'alaibissalam</i>
H	:	Hijrah
hal.	:	Halaman
jil.	:	Jilid
m.	:	Meninggal dunia
r.a.	:	<i>radiyallahuanhu</i>
SAW	:	<i>Sallallahualaihiwassallam</i>
SWT	:	<i>Subhanahuwataala</i>
t.th.	:	Tanpa tarikh
t.tp.	:	Tanpa tempat

# Penutup

Sebagai kesimpulan kepada perbincangan yang telah dibentangkan dalam bab-bab yang lepas, diperhatikan bahawa pertama, dari aspek ketokohan, al-Hakim merupakan salah seorang tokoh ilmuwan hadis yang terkemuka abad keempat hijrah. Kredibiliti dan kepakarannya dalam pelbagai aspek ilmu hadis juga telah dibuktikan menerusi sejumlah hasil karyanya yang mendapat penerimaan baik daripada komuniti ilmuwan dan masyarakat umum. Pada masa yang sama, tohmahan terhadap integriti dan pandangan agama beliau tidak dapat dibuktikan dengan jelas dan juga tidak disokong secara objektif oleh maklumat sejarah yang ada.

Kedua, al-Hakim merupakan orang pertama yang mempelopori penulisan karya berbentuk *al-istidrak* menerusi karya agungnya *al-Mustadrak 'ala al-Sahibain* yang bertujuan melengkapkan hadis-hadis yang tidak dimuatkan dalam *al-Sahibain* sedangkan ianya sah berdasarkan syarat al-Bukhari dan Muslim, atau salah seorang daripada mereka, atau sah berdasarkan syarat al-Hakim sendiri. Kepentingan karya ini juga dapat dilihat menerusi status dan pengaruhnya dalam tradisi keilmuan Islam di samping ribuan hadis dalam pelbagai aspek agama yang terkandung dalamnya.

Ketiga, dari aspek konsepsi penerimaan hadis, al-Hakim mempunyai pandangannya yang tersendiri dalam pentakrifan hadis sah dan pengkategorianya, serta kriteria penolakan sesebuah hadis. Beliau turut membincangkan pelbagai isu berkaitan faktor-faktor penerimaan dan penolakan perawi serta istilah yang digunakannya.

Seterusnya keempat, walaupun al-Hakim mensyaratkan dirinya untuk memuatkan hadis sah yang menepati syarat tertentu sahaja dalam *al-Mustadrak*, namun beliau tidak konsisten dalam hal ini. Ini mengakibatkan kritikan para ulama terhadapnya di samping

pertikaian mengenai pemahaman beliau terhadap syarat penerimaan hadis menurut al-Bukhari dan Muslim atau salah seorang daripada mereka. Kelonggaran al-Hakim dalam penulisan *al-Mustadrak* turut mengakibatkan kewujudan sejumlah hadis termasuk *hasan*, *da'if* dan *mandu'* yang memberikan implikasinya terhadap pemberian status sesebuah hadis oleh al-Hakim. Walau bagaimanapun, perkara ini berkemungkinan besar berlaku kerana *al-Mustadrak* yang ada pada hari ini masih lagi dalam bentuk draf yang belum sempat diselesaikan suntingannya oleh al-Hakim.

Oleh itu, dicadangkan bahawa sebarang rujukan kepada *al-Mustadrak* sebaiknya disusuli dengan semakan terhadap status hadisnya. Ini boleh dilakukan dengan merujuk kepada karya-karya khusus yang dihasilkan oleh ulama seperti al-Dhahabi, Ibn Mulaqqin dan sebagainya yang mengulas hadis-hadisnya, di samping karya-karya lain yang membincangkan pelbagai aspek konsepsi hadis menurut pandangan al-Hakim dan hukum-hakam hadis tertentu seperti yang telah dibincangkan dalam bab-bab yang lepas.

# Bibliografi

- al-Afriqi, Ibn Manzur. *Lisan al-'Arab*. Beirut: Dar Sadir, 1990.
- al-'Asqallani, Ibn Hajar. *Hady al-Sari Muqaddimah Fath al-Bari*. Riyadh: Maktabah Dar al-Salam, 1997.
- \_\_\_\_\_. *Lisan al-Miẓan*. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi, 1995.
- \_\_\_\_\_. *al-Nukat 'ala Kitab Ibn al-Salah*. Madinah: al-Majlis al-'Ilmi bi al-Jami'ah al-Islamiyyah, 1984.
- \_\_\_\_\_. *Tabdhib al-Tabdhib*. Lahore: 'Abdul Tawwab Akademi, t.th.
- \_\_\_\_\_. *Taqrib al-Tabdhib*. Beirut: Dar al-Ma'rifah, 1975.
- al-Baghdadi, Isma'il Pasha. *Hadiyyah al-'Arifin*. Beirut: Dar al-Fikr, 1982.
- al-Bukhari, Muhammad ibn Isma'il. *Kitab Tarikh al-Kabir*. Beirut: Mu'assasah al-Kutub al-Thaqafiyah, 1986.
- al-Dar al-Qutni, 'Umar ibn 'Ali. *al-Ilzamat wa al-Tatabbu'*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1985.
- al-Dhahabi, Shams al-Din. *al-Kashif fi Ma'rifah man labu Riwayah fi al-Kutub al-Sittah*. 'Abidin: Dar al-Kutub al-Hadithah, t.th.
- \_\_\_\_\_. *al-Mughni fi al-Du'afa'*. Qatar: Idarah Ihya' al-Turath al-Islami, 1987.
- \_\_\_\_\_. *Dhikr Asma' man Tukullima fib wa buwa Muwathbaq*. Jordan: Maktabah al-Manar, 1986.

- \_\_\_\_\_. *Mizan al-I'tidal fi Naqd al-Rijal*. Beirut: Dar al-Ma'rifah, t.th.
- \_\_\_\_\_. *Siyar A'lam al-Nubala'*. Beirut: Mu'assasah al-Risalah, 1986.
- \_\_\_\_\_. *Tadbbib Tabdbib al-Kamal fi Asma' al-Rijal*. Kaherah: al-Faruq al-Hadithah li al-Tiba'ah wa al-Nashr, 2004.
- \_\_\_\_\_. *Tadbkirat al-Huffaz*. Hyderabad: Matba'ah Majlis Da'irah al-Ma'arif al-'Uthmaniyyah, 1970.
- \_\_\_\_\_. *Talkbis al-Mustadrak*. Beirut: Dar al-Ma'rifah, t.th.
- \_\_\_\_\_. *Tarikh al-Islam wa Wafayat al-Mashahir wa al-A'lam*. Beirut: Dar al-Kitab al-'Arabi, 1992.
- al-Dimashqi, Ibn Kathir. *al-Ba'ith al-Hathith Sharh Ikhtisar 'Ulum al-Hadith*. Beirut: Dar al-Jil, 1987.
- \_\_\_\_\_. *al-Bidayah wa al-Nihayah*. Beirut: Maktabah al-Ma'arif, 1985.
- \_\_\_\_\_. *al-Bidayah wa al-Nihayah*. Lubnan: Bait al-Afkar al-Dawliyyah, 2004.
- al-Hakim, Abu 'Abdullah al-Naisaburi. *al-Madkhal ila al-Sahih*. Beirut: Mu'assasah al-Risalah, 1984.
- \_\_\_\_\_. *al-Madkhal ila Kitab al-Iklil*. Iskandariyyah: Dar al-Da'wah, t.th.
- \_\_\_\_\_. *Ma'rifah 'Ulum al-Hadith*. Madinah: al-Maktabah al-'Ilmiyyah, 1977.
- \_\_\_\_\_. *Ma'rifah 'Ulum al-Hadith wa Kammiyyah Ajnasibi*. Beirut: Dar Ibn Hazm, 2003.
- \_\_\_\_\_. *al-Mustadrak 'ala al-Sahibain*. Beirut: Dar al-Ma'rifah, t.th.
- \_\_\_\_\_. *Tasmiyah man Akbrajahum al-Bukhari wa Muslim wa ma Infarada bibi Kull Wabid Minbama*. Beirut: Dar al-Jinan, 1987.

- al-Hamawi, Yaqut ibn ‘Abdullah. *Mu‘jam al-Buldan*. Beirut: Dar Ihya’ al-Turath al-‘Arabi, 1979.
- al-‘Ibadi, Ahmad Mukhtar. *Fi al-Tarikh al-‘Abbasi wa al-Fatimi*. Iskandariyyah: Mu’assasah Shabab al-Jami‘ah, 1982.
- al-‘Ijli, Ahmad ibn ‘Abdullah. *Tarikh al-Thiqat*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1984.
- al-‘Iraqi, ‘Abdul Rahim. *al-Taqyid wa al-Idab Sharh Muqaddimah Ibn al-Salab*. Beirut: Dar al-Fikr, 1981.
- al-Jaza’iri, Tahir ibn Salih. *Tanjih al-Nazar ila Usul al-Athar*. Beirut: Dar al-Ma‘rifah, t.th.
- al-Kalabadhi, Abu Nasr. *Rijal Sahib al-Bukhari*. Beirut: Dar al-Ma‘rifah, 1987.
- al-Kattani, Muhammad ibn Ja‘far. *al-Risalah al-Mustatrafah li Bayan Mashhur Kutub al-Sunnah al-Musharrafah*. Damsyik: Dar al-Fikr, 1964.
- al-Khairabadi, Muhammad Abullais. *Mu‘jam al-Mustalahat al-Hadithiyyah*. Selangor: Darul Syakir, 2004.
- \_\_\_\_\_. *Takbrij al-Hadith: Nash‘atuh wa Manhajiyatuh*. Selangor: Darul Syakir, 1999.
- \_\_\_\_\_. *‘Ulum al-Hadith: Asiluba wa Mu‘asiruha*. Bangi: Darul Syakir, 2004.
- al-Khatib al-Baghdadi, Ahmad ibn ‘Ali. *Tarikh Baghdad*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, t.th.
- al-Laknawi, ‘Abdul Hayy. *al-Raf‘ wa al-Takmil fi al-Jarb wa al-Ta’dil*. Beirut: Dar al-Basha’ir al-Islamiyyah, 1987.
- al-Mizzi, Jamal al-Din Yusuf. *Tabdhib al-Kamal fi Asma’ al-Rijal*. Beirut: Mu’assasah al-Risalah, 1992.
- al-Nawawi, Yahya ibn Sharaf. *Sharh Sahib Muslim*. Beirut: Dar al-Qalam, t.th.

- al-Nuri, al-Sayyid Abu al-Mu'ati. *Mawsu'ah Aqwal al-Imam Ahmad ibn Hanbal fi Rijal al-Hadith wa 'Ilalib*. Beirut: 'Alam al-Kutub, 1997.
- al-Safadi, Salah al-Din. *al-Wafi bi al-Wafayat*. Wiesbaden: Franz Steiner, 1974.
- al-Sakhawi, Shams al-Din. *al-Daw' al-Lami' li Abl al-Qarn al-Tasi'*. Beirut: Dar al-Jil, 1992.
- \_\_\_\_\_. *Fath al-Mughith bi Sharh Alfyyah al-Hadith li al-'Iraqi*. t.tp.: Dar al-Imam al-Tabari, 1992.
- al-Salafi, 'Abdullah ibn Murad. *Ta'liqat 'ala ma Sabbabahu al-Hakim fi al-Mustadrak wa Wafaqahu al-Dhababi*. Riyadh: Dar al-Fadilah, 1998.
- al-Sam'ani, Abu Sa'ad ibn Mansur. *al-Ansab*. Hyderabad: Matba'ah Majlis Da'irah al-Ma'arif al-'Uthmaniyyah, 1963.
- al-Sarifini, Ibrahim ibn Muhammad. *al-Muntakhab min al-Siyah li Tarikh Naisabur*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1989.
- al-Shaharzuri, Ibn al-Salah. *Siyah Sabih Muslim min al-Ikblal wa al-Ghalat wa Himayatub min al-Isqat wa al-Saqt*. Beirut: Dar al-Gharb al-Islami, 1984.
- \_\_\_\_\_. *'Ulum al-Hadith*. Damsyik: Dar al-Fikr, 1986.
- al-Suyuti, Jalal al-Din. *Tadrib al-Rawi fi Sharh Taqrib al-Navani*. Mekah: Maktabah Nizar Mustafa al-Baz, 1997.
- al-Tahhan, Mahmud. *Usul al-Takhrij wa Dirasab al-Asanid*. Riyadh: Maktabah al-Ma'arif, 1991.
- al-'Uqaili, Muhammad Arshid. *al-Khalij al-'Arabi fi al-'Usur al-Islamiyyah mundbu Fajr al-Islam batta Matla' al-'Usur al-Hadithab*. Beirut: Dar al-Fikr, 1988.
- al-Zaila'i, Abu Muhammad. *Nasb al-Rayah li Abadith al-Hidayah*. Kaherah: Dar al-Hadith, 1938.
- Anis, Ibrahim et. al. *al-Mu'jam al-Wasit*. Kaherah: Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah, 1985.

Brockelmann, Karl. *Tarikh al-Adab al-'Arabi*. Kaherah: Dar al-Ma'arif, t.th.

*Fibrist Asma' Kutub wa Mu'allafat Jalal al-Din al-Suyuti*. (Manuskrip).  
Funun 24640 [1682]. Maktabah al-Azhariyyah.

Haji Khalifah, Mustafa ibn 'Abdullah. *Kashf al-Zunun 'an Asami al-Kutub wa al-Funun*. Beirut: Dar al-Fikr, 1982.

Hamadah, Faruq. *al-Manhaj al-Islami fi al-Jarb wa al-Ta'dil*. Rabat: Maktabah al-Ma'arif, 1982.

Hasan, Hasan Ibrahim. *Tarikh al-Islam al-Siyasi wa al-Dini wa al-Thaqafi wa al-Ijtima'i*. Kaherah: Maktabah al-Nahdah al-Misriyyah, 1987.

Ibn al-Athir, Abu al-Hasan 'Ali. *al-Kamil fi al-Tarikh*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1987.

Ibn al-'Imad al-Hanbali, Abu al-Falah 'Abdul Hayy. *Shadharat al-Dhabab fi Akhbar man Dhabab*. Beirut: Dar al-Fikr, 1988.

Ibn al-Jawzi, 'Abdul Rahman ibn 'Ali. *al-Du'afa' wa al-Matrukin*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1986.

\_\_\_\_\_. *al-Muntazam fi Tarikh al-Umam wa al-Muluk*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1992.

Ibn al-Mulaqqin, Siraj al-Din 'Umar ibn 'Ali. *Mukhtasar Istidrak al-Hafiz al-Dhababi 'ala Mustadrak Abi 'Abdillah al-Hakim*. Suntingan Sa'ad ibn 'Abdullah ibn 'Abdul 'Aziz Al al-Humayyid. Riyadh: Dar al-'Asimah, 1990.

Ibn 'Asakir, 'Ali ibn al-Hasan. *Tabyin Kizb al-Muftari fima nusiba ila al-Imam Abi al-Hasan al-Asb'ari*. Damsyik: Matba'ah al-Tawfiq, 1929.

Ibn Hibban, Muhammad ibn Ahmad al-Busti. *al-Thiqat*. Hyderabad al-Dakan: Matba'ah Majlis Da'irah al-Ma'arif al-'Uthmaniyyah, 1973.

\_\_\_\_\_. *Kitab al-Majrubin min al-Mubaddithin wa al-Du'afa' wa al-Matrukin*. Beirut: Dar al-Ma'arif, t.th.

- \_\_\_\_\_. *Sabih Ibn Hibban ma'a al-Ihsan li Ibn al-Bulban*. Beirut: Mu'assasah al-Risalah, 1993.
- Ibn Khaldun, 'Abdul Rahman ibn Muhammad. *Muqaddimah*. Beirut: Dar al-Fikr, t.th.
- Ibn Khallikan, Abu al-'Abbas Shamsuddin. *Wafayat al-A'yan*. Beirut: Dar al-Thaqafah, t.th.
- Ibn Manjuyah, Abu Bakr Ahmad. *Rijal Sabih Muslim*. Beirut: Dar al-Ma'rifah, 1987.
- Ibn Qadi Shahbah, Ahmad ibn Muhammad. *Tabaqat al-Shafi'iyah*. Beirut: 'Alam al-Kutub, 1987.
- Ibn Rajab al-Hanbali, Zain al-Din 'Abdul Rahman. *Sharh Ulal al-Tirmidhi*. Jordan: Maktabah al-Manar, 1987.
- Ibn Tahir al-Maqdisi, Muhammad. *al-Jam' baina Rijal al-Sahibain*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1985.
- Ibn Taimiyyah, Taqi al-Din Ahmad. *Majmu'ah al-Fatawa*. Riyadh: Maktabah al-'Ubaikan, 1998.
- \_\_\_\_\_. *Minhaj al-Sunnah al-Nabawiyyah fi Naqd Kalam al-Shi'ah al-Qadariyyah*. Riyadh: t.pt., 1986.
- Khalaf, Najm 'Abdul Rahman. *al-Sina'ah al-Hadithiyyah fi al-Sunan al-Kubra li al-Baihaqi*. al-Mansurah: Dar al-Wafa', 1992.
- Qal'aji, Qadri. *al-Khalij al-'Arabi*. Beirut: al-Matbu'at, 1992.
- Sezgin, Fuat. *Tarikh al-Turath al-'Arabi*. Riyadh: Jami'ah al-Imam Muhammad ibn Sa'ud al-Islamiyyah, 1991.
- Syarikat al-Sakhr li Baramij al-Hasib. *Barnamij Mawsu'ah al-Hadith al-Sharif*. Version 1: 1991-1996.
- Taj al-Din al-Subki, 'Abdul Wahhab ibn 'Ali. *Tabaqat al-Shafi'iyah al-Kubra*. Kaherah: Dar Ihya' al-Kutub al-'Arabiyyah, t.th.

# Glosari Istilah

- ‘adalah: Sifat seorang Muslim yang baligh dan berakal yang melazimi ketakwaan dan akhlak yang mulia di samping menjauhi daripada melakukan dosa, maksiat dan perkara yang boleh menjejaskan maruahnya di mata masyarakat.
- ‘ali (hadis): Suatu keadaan hadis yang bilangan perawi sanadnya paling sedikit berbanding sanad lain.
- al-jarh wa al-ta‘dil: Satu cabang ilmu yang membincangkan latar belakang, integriti dan status para perawi hadis sama ada diterima ataupun ditolak periwayatan mereka. Ia juga dikenali sebagai ‘ilm al-rijal.
- al-majhul (perawi): Perawi hadis yang tidak dikenali dirinya, latar belakangnya dan integritinya dalam periwayatan hadis.
- bid‘ah: Suatu perkara baru dalam urusan agama yang diada-adakan dan tidak berlandaskan kepada syariat Islam. Hukumnya adalah berbeza-beza mengikut jenis bid‘ah yang dilakukan dan kesannya terhadap agama.
- da‘if (hadis): Setiap hadis yang tidak menepati syarat-syarat hadis sahih dan hasan. Ia juga dikenali sebagai hadis lemah dan mempunyai status yang berbeza-beza mengikut sebab kelemahannya.

- gharib (hadis): Hadis yang diriwayatkan oleh seorang perawi tunggal sahaja di salah satu peringkat sanadnya.
- hasan (hadis): Hadis yang menepati kesemua syarat hadis sahih melainkan pada aspek dabt (pemeliharaan hadis), iaitu terdapat salah seorang perawinya yang kurang integriti hafalannya berbanding perawi hadis sahih.
- hasan gharib (hadis): Istilah yang biasanya hanya digunakan oleh al-Tirmidhi. Ia merujuk kepada hadis hasan yang terdapat pada sanadnya seorang perawi tunggal yang meriwayatkannya.
- hasan li ghairih (hadis): Ia merupakan hadis da'if yang kurang tahap kelemahannya dan disokong serta dikuatkan oleh hadis lain yang sama taraf atau lebih tinggi status daripadanya.
- ijihad: Pandangan dalam hal-ehwal agama yang diberikan oleh seseorang ilmuwan berdasarkan kajian dan penelitian yang mendalam dari pelbagai aspek ilmu dan pemahaman agama.
- 'illah: Kecacatan yang terdapat pada sanad dan/atau matan sesebuah hadis sahih yang memberikan kesan terhadap statusnya.
- 'ilm al-rijal: Lihat al-jarh wa al-ta'dil.
- jarh: Melabelkan tahap integriti dan personaliti seseorang perawi menggunakan perkataan-perkataan tertentu yang mengakibatkan periwayatan dan kredibilitinya tertolak.
- marfu' (hadis): Hadis yang bersumberkan daripada percakapan, perbuatan dan pengakuan daripada Rasulullah SAW.

- mastur (perawi): Perawi hadis yang dikenali dirinya namun tidak diketahui integritinya dalam periwayatan hadis.
- matan: Teks dan isi kandungan sesebuah hadis.
- mawdu' (hadis): Hadis palsu yang direka oleh golongan tertentu dan disandarkan kepada Rasulullah SAW. Ia langsung tidak boleh diterima atau diriwayatkan dengan sengaja tanpa menyatakan statusnya.
- mawquf (hadis): Hadis yang bersumberkan daripada percakapan, perbuatan dan pengakuan daripada Sahabat r.a.
- mu'allaq (hadis): Hadis yang dibuang kebanyakan atau keseluruhan rantaian sanadnya melainkan Sahabat sahaja.
- mu'dal (hadis): Hadis yang digugurkan daripada sanadnya dua orang perawi atau lebih secara berturutan.
- mudallas (hadis): Hadis yang diketahui berlaku tadlis pada sanadnya.
- mudallis (perawi): Perawi yang bertanggungjawab melakukan perbuatan tadlis dalam sanad sesebuah hadis.
- munkar (hadis): Terdapat beberapa variasi takrifnya di kalangan ulama hadis, antaranya: Hadis yang terdapat pada sanadnya perawi yang terlalu lemah; atau hadis yang diriwayatkan oleh perawi lemah yang bercanggah dengan perawi thiqah; atau hadis yang hanya diriwayatkan oleh seorang perawi sahaja, sama ada lemah ataupun tidak.
- munqati' (hadis): Hadis yang digugurkan daripada sanadnya seorang perawi atau lebih secara tidak berturutan.

- mursal (hadis): Hadis yang disandarkan oleh Tabi'in secara langsung kepada Rasulullah SAW dan terdapat perawi yang digugurkan di antaranya dengan baginda SAW.
- musnad (hadis): Hadis yang bersambung sanadnya kepada Rasulullah SAW.
- mustalah al-hadith: Ilmu yang membincangkan pelbagai aspek berkaitan periwayatan dan pemahaman hadis nabi SAW. Ia juga dikenali sebagai 'Ulum al-Hadith.
- mutaba'ah: Sokongan terhadap sesebuah hadis yang bertujuan menguatkan dan menaikkan statusnya. Ia berlaku apabila seorang perawi sebuah hadis disokong oleh seorang perawi hadis lain yang bertemu pada sanad yang sama di peringkat gurunya atau guru kepada gurunya.
- nazil (hadis): Suatu keadaan hadis yang bilangan perawi sanadnya adalah paling banyak berbanding sanad lain.
- Qurra' (Qari): Mereka yang mahir dalam bacaan al-Quran serta mempunyai kemahiran yang tinggi dalam ilmu Qiraat, Tajwid dan ilmu-ilmu lain yang berkaitan. Selalunya mereka juga merupakan penghafal al-Quran yang baik.
- Qira'at: Satu cabang ilmu yang membincangkan kaedah dan bentuk-bentuk bacaan al-Quran. Ia juga merangkumi metode penulisan al-Quran, tanda bacaan, hukum-hakam berkaitan Tajwid dan sebagainya.
- qudsi (hadis): Hadis yang diriwayatkan oleh Rasulullah SAW daripada Allah SWT dari aspek maknanya

- sahaja, manakala lafaznya adalah daripada baginda sendiri.
- Sahabat: Generasi terawal Muslim yang sempat bertemu dengan Rasulullah SAW serta beriman dengannya dan meninggal dunia dalam keadaan Islam.
- sahih (hadis): Hadis yang menepati kesemua lima syarat penerimaan hadis iaitu kesinambungan sanad, integriti personaliti perawi, integriti hafalan perawi, di samping bebas daripada pertentangan (dengan hadis lain) dan kecacatan tersembunyi yang boleh merosakkan statusnya.
- sanad: Rantainya perawi-perawi yang membentuk salasilah periwayatan sesebuah hadis.
- shadh (hadis): Hadis “janggal”. Ia bermaksud periwayatan seorang perawi thiqah yang bertentangan dengan periwayatan perawi atau sekumpulan perawi yang lebih thiqah daripadanya.
- shahid: Persaksian periwayatan daripada seorang Sahabat terhadap matan sesebuah hadis yang diriwayatkan oleh Sahabat yang lain dengan lafaz yang sama atau menerusi maknanya sahaja. Ia bukan sahaja bertujuan mengesahkan asal-usul hadis tersebut, bahkan menguatkannya menerusi periwayatan lain yang boleh menjadi saksi kepadanya.
- shudhudh: Kejanggalan dan pertentangan yang berlaku dalam hadis. Lihat shadh.
- Tabi'in: Generasi awal Muslim yang sempat bertemu dengan Sahabat r.a. dan meninggal dunia dalam keadaan Islam.

- tadlis: Menyembunyikan kecacatan yang terdapat pada sesebuah sanad dan menzahirkan seolah-olah ianya sempurna. Ia terbahagi kepada tiga jenis iaitu tadlis al-isnad; tadlis al-taswiyah; dan tadlis al-shuyukh. Dari segi hukum, perbuatan ini dikeji oleh ulama dan ia digambarkan sebagai hampir kepada penipuan.
- takhrij (hadis): Proses mencari asal-usul sesebuah hadis dan statusnya dalam korpus periwayatan dan karya-karya hadis.
- taqlid: Mengikuti pandangan ulama tertentu dalam aspek-aspek agama tanpa meneliti atau mengetahui hujah dan bukti yang berkaitan.
- thiqah: Perawi yang boleh dipercayai, berintegriti dalam personaliti dan hafalannya, serta boleh diterima dalam aspek periwayatan.
- 'Ulum al-Hadith: Lihat mustalah al-hadith.

# Indeks

## A

- 'Abbasiyyah (Bani); 1, 2, 3
- 'ali (hadis); 35, 55
- Abu Hanifah, al-Nu'man ibn Thabit; 69
- 'adalah; 42, 82, 104
- Ahl al-Suffah; 47-48
- Ahli Sunnah; 17, 22, 38, 153
- Ahmad ibn Hanbal; 6, 27, 86, 102, 129, 140, 152-53, 162
- Amir al-Umara'; 3
- 'Asyura'; 4

## B

- Baghdad; 2-3, 6, 10-11, 24-26, 28-29, 55, 136
- Baihaqi (al-), Ahmad ibn al-Husain; 14, 28, 135
- Basrah; 105, 155
- Batiniyyah (al-); 4, 26
- Bazzar (al-), Ahmad ibn 'Amr al-Basri; 8, 27
- bid'ah; 8, 21-22, 35-36, 47, 69, 77-78, 82, 102-3, 132, 153
- Bukhari (al-), Muhammad ibn Isma'il; 36

## D

- dabt; 42
- da'if (hadis); 64-66, 68-69, 71, 98, 111, 116, 134, 143, 146-49, 151, 153-54, 157-59
- Dar (al-) al-Qutni, 'Ali ibn 'Umar ; 8, 11-12, 14, 16-17, 23, 25, 27, 33-34, 59, 81, 136, 157

## F

- fasiq; 78, 83-84

## G

- Ghadir Khumm; 4
- gharib (hadis); 67, 72, 101

## H

Hajar al-Aswad; 5  
Hallaj (al-), Abu Mansur; 5, 26  
hasan (hadis); hasan li ghairih; hasan gharib; 50, 64, 129, 133, 142-43, 145-49, 154  
Hijaz; 17, 68, 69, 75

## I

Ibn Hibban, Abu Hatim Muhammad al-Busti; 8, 10, 27, 39, 60, 76, 87, 92, 102, 109, 125, 133, 152, 157  
Ibn Khuzaimah, Muhammad ibn Ishaq al-Naisaburi; 39, 45, 133, 157  
Ibn Majah, Muhammad ibn Yazid al-Qazwini; 161, 124, 129, 139-40, 161, 178  
ijma'; 47  
ijtihad; 21, 65, 82, 95, 117, 121  
'illah; 42, 66, 79  
'ilm al-rijal; 9, 27  
Ilzamat (al-) wa al-Tatabbu'; 33, 59  
Iraq; 4-5, 10-12, 17, 25, 52, 60  
Isfahan; 7  
istidrak (al-); 31, 34, 37

## J

jarh (al-) wa al-ta'dil; 19, 24, 81, 87

## K

Kerajaan: al-Saffariyyah; al-Samaniyyah; al-Buwaihiyyah; al-Tahiriyyah; al-Ghaznawiyyah; 2-5, 7, 9  
Khalifah: al-Mutawakkil; al-Muqtadir; al-Mu'tadid; al-Radi-billah; 1-3  
Khurasan; 2, 4, 6-7, 10, 17, 25  
Kufah; 68-69, 73, 75

## M

Malik ibn Anas; 69, 74, 78  
majhul (al-) (perawi); 49  
marfu' (hadis); 52, 80  
mastur (perawi); 104  
matan; 33, 35, 39, 42-43, 49, 55-56, 69, 75, 77, 79-80, 92-93, 151, 158-40  
mawdu' (hadis); 142-43, 131, 157  
mawquf (hadis); 52, 80, 93  
Mekah; 10, 27  
mu'allaq (hadis); 42  
mu'dal (hadis); 79-80, 84  
mudallas (hadis); 68, 75-76, 78  
mudallis; 68, 74-75, 102-3  
munkar (hadis); 81, 103-4, 125, 142, 153  
munqati' (hadis); 79-80, 97, 126, 154

mursal (hadis); 68-69, 72-74, 77-79, 92-93, 102, 126-27  
 Muslim, ibn Hajjaj al-Qushairi; 17  
 musnad (hadis); 27, 33, 69, 77, 159, 162, 129, 140  
 Mustadrak (al-) 'ala al-Sahihain; 8, 14, 18, 24, 29, 31-32, 34, 38-39, 59-60, 86,  
 108-9, 139-40, 161-62  
 mustakhraj (al-); 31, 34-35, 121  
 mustalah al-hadith; 123, 153-54  
 mutaba'ah; 43

## N

Naisabur (Nishapur); 3, 7, 9, 11, 14, 17, 23-24, 36  
 Nasa'i (al-), Ahmad ibn Shua'ib; 8, 17, 27, 124, 139, 153, 155, 157  
 nازل (hadis); 55

## Q

Qurra'; 10  
 Qaramitah (al-); 4-5, 26  
 Qira'at (ilmu); 14  
 qudsi (hadis); 49  
 Quran (al-); 10, 14, 26, 41, 46, 48-49, 53, 58, 74, 103, 117, 127, 137, 153

## R

Rayy (al-); 3, 5, 7, 11, 17

## S

Sahabat (r.a.); 4, 16, 35, 37, 46-49, 58, 65-67, 70-71, 73-74, 80, 96  
 sahih (hadis); 18-19, 21, 25, 29, 33, 35-42, 44, 47, 49-56, 65-67, 69, 70-71, 78,  
 89-100, 102, 105-6  
 Sahih al-Bukhari; 25, 35, 41-42, 60-61, 63, 70, 72, 86, 108, 143  
 Sahih Muslim; 25, 43, 59, 61, 63, 70, 72, 86, 108, 114-115, 139, 143, 162  
 Sahihain (al-); 8, 14, 18, 24, 29, 31-39, 41, 46, 49, 51, 53, 55-56, 59-60, 64, 66,  
 71-72, 78, 81, 86, 89-91, 95, 101, 108-9, 111-12, 116-24, 139, 140, 144,  
 146-47, 149, 156, 161-62  
 sanad; 10, 12, 33, 35-36, 39-40, 42-43, 45, 51-55  
 shadh (hadis); 71, 123  
 Shafi'i (al-), Muhammad ibn Idris; 9, 25, 28, 48, 747  
 shahid; 43  
 Shiraz; 3  
 shudhudh; 42, 66  
 Sijistan; 2  
 Sunan; 14, 27-28, 32, 124, 129, 139-40, 161  
 Syi'ah; 4, 8, 15, 17-19, 20, 21-22, 35, 38, 69, 103, 153  
 Syi'ah Zaidiyyah; 4

## T

Tabari (al-), Muhammad ibn Jarir; 5-6, 8  
Tabi'in; 33, 35, 46-47, 65, 67-68, 70-73, 79, 100, 107, 124, 131, 153  
tadlis; 75-77, 83, 103, 127  
takhrij (hadis); 25, 59  
Talkhis al-Mustadrak; 40, 145, 148, 150, 151  
taqlid; 82  
thiqah (perawi); 17-18, 33, 35-36, 43, 60, 66-67, 69-72, 75-76, 79-81, 83-84,  
90-94, 103, 106, 117-18, 121-23, 125, 126, 133, 152-58  
Tirmidhi (al-), Muhammad ibn 'Isa; 21, 60, 64-65, 86, 154, 161  
Transoxiana; 2

## U

'Ulum al-Hadith; 23-24, 27-28, 59, 63, 65, 73-74, 86-87, 109, 116, 124, 129,  
139-40, 143, 161

## Y

Yaman; 52, 94

## Z

zindiq; 84

# **Al-Hakim Al-Naisaburi**

## **& Metodologi Penulisan Hadis Al-Mustadrak 'Ala Al-Sahihain**

al-Mustadrak 'ala al-Sahihain karangan al-Hakim al-Naisaburi (m. 405H) merupakan antara karya warisan nabawi terpenting dalam sejarah Islam. Kepentingannya dapat dilihat menerusi iltizam pengarangnya untuk memuatkan hadis-hadis yang sahih sahaja di dalamnya, terutamanya yang menepati kriteria penerimaan al-Bukhari dan Muslim, atau salah seorang daripada mereka. Walau bagaimanapun, harapan ini tidak direalisasikan oleh al-Hakim secara konsisten seperti yang dijanjikannya. Ini mengakibatkan kewujudan sejumlah hadis yang tidak menepati syarat hadis sahih, apalagi syarat penerimaan al-Bukhari dan Muslim. Perkara ini juga mengundang pelbagai kritikan bukan sahaja terhadap al-Mustadrak, bahkan melibatkan keperibadian dan kredibiliti al-Hakim selaku pengarangnya. Justeru, buku ini bertujuan mengupas pelbagai isu berkaitan konsepsi dan metodologi al-Hakim dalam penerimaan hadis dan sejauh manakah ia diaplikasikan dalam penulisan al-Mustadrak. Di samping itu, perbincangan mengenai biodata dan kredibiliti al-Hakim turut dimuatkan selain penilaian sampel beberapa hadis terpilih yang terdapat dalamnya. Ini bukan sahaja dapat memberikan satu gambaran yang komprehensif mengenai al-Hakim dan karyanya ini, bahkan dapat membuka jalan ke arah memahami dan memanfaatkannya sebagaimana layaknya.

**MUHAMMAD MUSTAQIM B. MOHD ZARIF** berkecualan Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) dalam bidang Ilmu Wahyu dan Warisan Islam (pengkhususan Quran dan Sunnah) dan Sarjana dalam bidang yang sama daripada Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). Beliau juga memperoleh ijazah PhD daripada University of Edinburgh, United Kingdom dalam bidang hadis dan pengajian manuskrip Melayu-Islam. Kini, beliau berkhidmat sebagai Pengarah, Pusat Pengajian Teras dan Antarabangsa merangkap Pensyarah Kanan di Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Beliau juga aktif menghasilkan penulisan dan penyelidikan dalam pelbagai bidang berkaitan pengajian Quran dan Sunnah terutamanya pengajian hadis, manuskrip Melayu-Islam dan Braille al-Quran. Antara bukunya yang telah diterbitkan ialah Panduan dan Bimbingan Guru al-Quran: Keperibadian, Pengetahuan dan Pengajaran oleh YADIM (2006).

ISBN 978-967-5295-43-0



9 789675 295430